

Merapatkan Jurang Literasi Murid-murid Orang Asli: Apa Cabarannya?  
*(Narrowing the Literacy Gap of Indigenous Students: What are the challenges?)*

NAZARIYAH SANI

ABSTRAK

Program LINUS merupakan sebuah program yang diimplementasi oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti yang termaktub dibawah mandat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Pendidikan pada tahun 2010 yang bermatlamat memastikan murid-murid menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Artikel ini merupakan satu laporan kajian di sekolah yang mempunyai ramai murid-murid Orang Asli dibawah tadbiran Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) Hulu Langat. Kajian ini bertujuan mengenalpasti dan memahami apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru-guru literasi khususnya bagi mengajar murid-murid Orang Asli. Data kajian dikumpul menerusi tiga (3) pendekatan iaitu kaedah temubual mendalam, analisis dokumen dan pemerhatian. Dapatan kajian menunjukkan terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi oleh guru dalam menangani murid-murid LINUS Orang Asli. Oleh itu, kajian ini mengemukakan cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk menyediakan guru-guru pakar bagi menangani murid-murid LINUS di sekolah yang terdapat murid-murid Asli, menyediakan modul yang lebih bersesuaian dengan murid Orang Asli yakni modul yang dapat membantu guru, menganjurkan bengkel untuk ibu bapa murid-murid Orang Asli agar mereka dapat membantu anak-anak mereka semasa dirumah serta menyediakan peruntukan kewangan yang khusus untuk Program LINUS.

Kata kunci: Literasi, murid-murid Orang Asli, Program LINUS, cabaran

ABSTRACT

*LINUS Program is an implemented program by Ministry of Education (MOE) under the National Key Result Area (NKRA) mandate in 2010 to ensure students mastering literacy and numeracy. This article is a research report of numerous Indigenous students in school under the administration of Hulu Langat District Education Office (PPD). It highlights on identifying and understanding the challenges encountered by literacy teachers especially in teaching the Indigenous students. Research data was collected using three (3) approaches such as in-depth interview, document analysis and observation. Based from research findings, it shows that teachers encountered numbers of challenge in dealing with Indigenous students. Therefore, this study presents recommendations that can be conveyed to the Ministry of Education (MOE) for instance providing experienced teachers especially in school with Indigenous students, appropriate modules for the Indigenous students that can help teachers in dealing with them, workshop for Indigenous parents in order for them to be able to assist their children at home and as well as specific financial allocation for LINUS Program.*

*Keyword: Literacy, Indigenous students, LINUS Program, challenges.*

## PENGENALAN

Isu murid-murid orang Asli gagal menguasai literasi adalah isu global (Dennis, Lynch, & Stockall, 2012; Cumming-Potvin, Renshaw & Van Kraayenoord, 2003; Guzel & Berberoglu, 2005), diberi fokus dalam agenda pendidikan oleh negara-negara di dunia (Rancangan Malaysia Ke-10, 2010).

Kajian lalu lebih menumpukan kepada faktor-faktor yang menyebabkan murid-murid orang Asli gagal menguasai literasi seperti faktor murid-murid, faktor keluarga, faktor budaya dan faktor guru (Abdull Sukor & Kalaidevi, 2012; Willingham & Daniel, 2012; Haak, Downer & Reeve, 2012; Wright, 2012). Belum banyak kajian dibuat untuk merapatkan jurang pendidikan murid-murid orang Asli dengan mengenal pasti cabaran guru dalam mengajar murid-murid orang Asli itu sendiri (Doris et.al, 2012).

Di Malaysia sendiri kerajaan menerusi Kementerian Pelajaran Malaysia/ KPM amat prihatin akan hal ini. Hal ini terbukti apabila isu literasi murid-murid orang Asli dimasukkan dalam agenda pendidikan negara seperti Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) negara dan Pelan Pembangunan Pendidikan (PPP) Gelombang 1 2013- 2015. Dalam Bab 4 PPP, fokusnya ialah mengkaji pembelajaran murid-murid dalam sistem pendidikan Malaysia, mencari penyelesaian untuk melaksanakan perubahan yang perlu bagi mencapai aspirasi tersebut. Bidang yang diberikan tumpuan ialah kurikulum dan pentaksiran, pengukuhan kemahiran berbahasa, intervensi menjurus peningkatan prestasi sekolah, pendidikan khas, pendidikan kumpulan peribumi dan minoriti lain, serta pendidikan untuk murid-murid pintar cerdas. Rentetan daripada keprihatinan KPM, menerusi mandat NKRA, Program LINUS digubal dan dilancarkan bermula dari tahun 2010 hinggalah hari ini.

Kajian ini berasaskan tesis bahawa murid-murid orang Asli boleh menguasai literasi sekiranya gurumengatasi cabaran yang menghalang penguasaan tersebut. Oleh itu kajian tentang isu literasi murid-murid Orang Asli ini penting dijalankan untuk mengenal pasti apakah cabaran yang dihadapi dan bagaimana guru mengatasi cabaran tersebut. Kajian ini unik kerana dijalankan secara kualitatif di mana pengkaji sendiri sebagai instrumen menyelongkar fenomena secara bertemu muka dengan peserta kajian untuk menyelami cabaran-cabaran tersebut.

Sehubungan itu, kerajaan telah mengambil langkah inisiatif dengan mewujudkan Program LINUS iaitu singkatan daripada Literacy and Numeracy Screening atau Saringan Literasi dan Numerasi dalam bahasa Melayu. Program ini bermula pada 2010 bagi

murid-murid Tahun 1 dan merupakan mandat dibawah agenda NKRA Pendidikan negara iaitu peluasan akses kepada pendidikan berkualiti. Menurut program ini, setiap murid perlu menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi selepas tiga tahun mengikuti pendidikan rendah pada akhir tahun 2012.

Dengan pelaksanaan Program LINUS, murid-murid orang Asli diberi perhatian oleh pihak sekolah untuk menguasai kemahiran literasi. Melalui pelaksanaan Program LINUS, guru memperoleh pengalaman dan strategi yang baharu dalam menangani murid-murid yang ada masalah pembelajaran menerusi kursus dan modul LINUS.

## PENYATAAN MASALAH

Program LINUS digubal dan dilaksanakan oleh KPM untuk memastikan murid-murid Tahun 3 di Sekolah Kebangsaan (SK) menguasai literasi dan numerasi pada Tahun 2012 (NKRA Pendidikan, 2010).

Kajian lalu mendapati isu murid-murid gagal menguasai literasi dan numerasi berpunca daripada lima faktor iaitu pertama masalah pembelajaran murid-murid itu sendiri seperti masalah perkembangan (Rasinski, 2013; Bunn, 2006) psikologi (Macfarlane, 2010), individu (Willingham & Daniel, 2012; Geske & Ozola, 2008), kognitif lemah (Kranzler & Floyd, 2013; Mohd. Fadzil, 1981), kurang motivasi (Wright, 2012; Fagan, 1998), kedua, strategi P&P guru (Morris, Lloyd, Millenky, Leacock, Raver & Bangser, 2013; Mercer & Mercer, 1998), ketiga, bahan kurikulum untuk murid-murid yang mempunyai masalah pembelajaran (Willingham & Daniel, 2012; Mohd. Fadzil, 1981), keempat, latar belakang keluarga dan murid-murid (Haak et. al, 2012) kelima pendidikan imbuhan (Wright, 2012).

Di Malaysia, Laporan Keciciran Murad, (1973) melaporkan isu ini, Jawatankuasa Kurikulum Jabatan Pelajaran Terengganu 1979 mendapati 6.9% murid-murid darjah tiga hingga darjah enam di Terengganu masih buta huruf (Mohd. Fadzil, 1981). Beberapa kajian juga menunjukkan wujud fenomena ini dalam kalangan murid-murid (Wan Muda, 1985). Sebanyak 138,271 murid-murid tahun satu tidak menguasai asas literasi pada tahun 2006 (Md.Fuzi, 2007). Seterusnya statistik tahun 2009 menunjukkan peratus murid-murid Tahun 5 tanpa kemahiran literasi amat membimbangkan iaitu di Selangor 15.4%, Johor 15.9%, Sarawak 11.4%, Kedah 9.6%, Sabah 9.2%, Kelantan 8.4%, Perak 6.7%, Penang 5.8%, dan Pahang 5.7% (NKRA Pendidikan 2010).

Kajian dan statistik ini memperlihatkan isutidak

menguasai literasi dan numerasi wujud dalam kalangan murid-murid sekolah rendah dan sekolah menengah (Aminah, 2009; Salmah, 1988; Maznah, 1992; Zulfaharen, 1997).

Rentetan itu, pelbagai program telah digubal dan dilaksanakan oleh KPM seperti PROTIM, PROBIM, KIA2M dan LINUS bagi mengatasi isu ini (BPK, 2009). Namun begitu, statistik menunjukkan kadar penguasaan literasi dan numerasi masih membimbangkan (Pelan Hala Tuju Program Transformasi Kerajaan, 2010; RMK 10, 2010; NKRA Pendidikan, 2010).

### OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan memahami apakah cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru dalam menangani murid-murid Linus Orang Asli dan menghuraikan cabaran-cabaran yang dihadapi oleh guru literasi dalam memastikan murid-murid Orang Asli menguasai kemahiran literasi.


### METODOLOGI

Pengkaji menggunakan kaedah kualitatif dalam kajian ini untuk mengetahui dengan lebih mendalam, membincangkan realiti, merasai cabaran sebenar yang dialami oleh guru yang terlibat dalam proses pelaksanaan Program LINUS atas murid-murid Orang Asli (Cresswell, 1994). Pengkaji melihat cabaran guru sebagai satu fenomena pusat yang perlu difahami (Van Maanen, 1983). Maksud realiti dan situasi sebenar yang dibina oleh guru tersebut ialah cabaran guru-guru tersebut menangani murid-murid Orang Asli dalam P&P LINUS ini (Christensen, Horn dan Johnson, 2008).

### Pengumpulan Data Kualitatif

Data kualitatif kajian ini dikumpul daripada pelbagai sumber melalui pelbagai strategi yang berbeza seperti Rajah 1.

RAJAH 1. Jenis dan sumber data kualitatif



Terdapat lima langkah bagi proses pengumpulan data kualitatif iaitu pertama mengenal pasti peserta kajian ini iaitu guru literasi di sekolah yang ramai murid-murid orang Asli, lokasi kajian iaitu sekolah yang ramai murid-murid Orang Asli, kenal pasti sampel agar dapat memahami fenomena dan benar-benar menjurus kepada menjawab soalan kajian ini. Kedua

ialah mendapatkan izin untuk ke lokasi ini. Ketiga ialah menentukan proses kutipan data sama ada menerusi temubual, analisis dokumen atau pemerhatian yang dapat menjawab soalan kajian. Keempat ialah pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian, temubual, dan analisis dokumen. Akhirnya isu etika turut diberi perhatian (Cresswell, 2012).

## Pemerhatian Pembelajaran & Pengajaran (P&P) dalam Bilik Darjah

Pemerhatian dalam bilik darjah merupakan salah satu teknik penting dalam kajian kualitatif. Pemerhatian dalam bilik darjah semasa P&P LINUS memberi peluang kepada pengkaji melihat cabaran guru literasi yang terlibat secara terus. Menurut Merriam (1988), melalui pemerhatian, pengkaji dapat melihat secara langsung perlakuan peserta kajian iaitu guru literasi menghadapi cabaran dalam menjalankan sesi P&P.

### Temubual

Pengkaji menggunakan teknik temu bual kerana Hall dan Hord (1987) mencadangkan menemubual individu-individu penting yang terlibat secara langsung dalam sesuatu program. Temu bual adalah sesuai apabila pengkaji tidak dapat melihat tingkah laku, perasaan, bagaimana peserta kajian menginterpretasi Program LINUS (Merriam, 2009). Soalan temu bual digubal berdasarkan teori masalah pembelajaran, kerangka konsep dan soalan kajian ini.

Triangulasi dibuat menggunakan rakaman video. Bahan-bahan pengajaran yang guru gunakan juga dikumpulkan dan diteliti. Pemerhatian bertumpu kepada P&P guru literasi di bilik darjah. Mana-mana perkara yang kurang jelas akan dikemukakan dalam temu bual pula.

### Analisis Dokumen

Dalam kajian ini, beberapa dokumen telah dikenal pasti untuk dianalisis bagi mendapatkan maklumat berkaitan dengan persoalan kajian. Antara dokumen yang diteliti ialah dokumen-dokumen berkaitan Program LINUS di sekolah seperti Buku Panduan & Pengurusan Program Literasi & Numerasi (LINUS), Buku Panduan dan Pengoperasian Program LINUS, Modul-modul LINUS iaitu Modul Pengajaran Asas Literasi- Asas 3, Modul Murid-murid Asas Literasi Asas 3, data dan statistik saringan Program LINUS. Dokumen seperti minit mesyuarat LINUS, perancangan strategik LINUS, majalah, laporan tahunan sekolah, infrastruktur bilik LINUS, program perkembangan staf dan persediaan mengajar guru LINUS.

## Teori

Teori yang dipilih mendasari kajian ini ialah Teori Pembelajaran iaitu Teori Tingkah Laku/Behaviourisme, Teori Kognitif dan Teori Afektif

### Teori Tingkah Laku/Behaviourisme

Teori tingkah laku yang dipilih ialah Teori Bandura. Teori yang diasaskan oleh Albert Bandura ini menekankan tingkah laku manusia berlaku hasil hubungan antara persekitaran dengan kognitif manusia (Saul, 2011). Pembelajaran bermula apabila murid-murid bertindak dengan rangsangan. Di samping itu, teori ini menyatakan bahawa proses P&P tidak akan berjalan lancar sekiranya murid-murid tidak berminat. Berdasarkan Bandura, minat murid-murid penting untuk kelancaran proses pembelajaran. Kajian terdahulu mendapati, kebanyakan murid-murid LINUS tidak minat dalam P&P guru (Jamian, 2011). Oleh itu dalam analisis pelaksanaan LINUS di sekolah terlibat, pengkaji mengenal pasti bagaimana guru mengatasi masalah ini seterusnya memacu minat murid-murid orang Asli agar proses pembelajaran lancar.

### Teori Kognitif

Dipelopori oleh Piaget dan menekankan proses mental dalaman. Teori ini melibatkan proses penerimaan maklumat, pemahaman dan penggunaan pengetahuan. Pengetahuan boleh bertambah melalui deria pengamatan murid-murid.

Berdasarkan Teori Kognitif ini, pengkaji menjelaskan bagaimana guru LINUS merangsang proses kognitif murid-murid orang Asli LINUS agar mereka memahami konsep yang diajar. Dengan aplikasi Teori Kognitif, guru LINUS boleh menyediakan isi pelajaran dan aktiviti-aktiviti yang seimbang dengan setiap peringkat perkembangan individu.

### Teori Afektif

Teori Afektif memfokuskan tingkah laku murid-murid melalui perwatakan. Perwatakan wujud apabila individu menerima, membuat respons dan menghayati apa yang dipelajari (Mohd. Sharani & Zainal Madon, 2003). Salah satu teori pembelajaran Afektif ialah Teori Humanistik.

Teori Humanistik

Dipelopori Abraham Maslow dan Carl Rogers. Teori ini mementingkan kesediaan moral dan potensi murid-murid, memfokuskan individu, keunikan diri individu dan kepentingan kemanusiaan terhadap individu. Unsur dalam Teori Humanistik ialah manusia mempunyai keperluan asas. Sekiranya keperluan asas dipenuhi, individu dapat memotivasikan diri untuk mencapai kesempurnaan diri.

Hal ini disokong oleh Hierarki Keperluan Maslow (1943) iaitu jika keperluan psikologi tidak dipenuhi oleh individu, jiwa akan terganggu. Unsur-unsur dalam teori ini, membantu pengkaji mengenal pasti bagaimanakah sewaktu pelaksanaan Program LINUS di sekolah, hal-hal seperti potensi murid-murid, kesediaan moral, keunikan diri murid-murid, kepentingan kemanusiaan terhadap murid-murid, keperluan asas murid-murid, keperluan psikologi diberi


perhatian oleh guru dan pentadbir. Hal ini penting untuk memastikan outcome Program LINUS mencapai objektif.

Sewaktu pengkaji mengumpul data menerusi pemerhatian semasa sesi P&P LINUS, pengkaji melihat apakah implikasi Teori Pembelajaran pada murid-murid LINUS. Pengkaji menyelidik adakah guru LINUS menyediakan murid-murid untuk mengkonstruksi pengetahuannya sendiri, dan pembelajaran kooperatif berlaku?

Teori Pembelajaran bertujuan melihat masalah yang menyebabkan kegagalan murid-murid Orang Asli menguasai literasi. Seterusnya bagaimana guru-guru literasi menggunakan teori tersebut untuk memastikan murid-murid menguasai literasi dan numerasi ditelusuri. Dengan mengkaji aspek ini dalam pelaksanaan P&P Program LINUS, diharap dapat diketahui apakah cabaran yang dihadapi guru-guru dalam memastikan murid-murid Orang Asli menguasai literasi.

Kerangka Konsep

RAJAH 2. Kerangka konsep



DAPATAN

Dapatan daripada analisis temu bual, dokumen dan pemerhatian, muncul tema-tema berikut menerusi

batasan kerangka konsep kajian ini iaitu: (Miles & Hubermann, 1994). Data-data dianalisis secara sistematik. Tema-tema yang muncul dipaparkan menggunakan Jadual Matriks seperti yang berikut:

JADUAL 1. Matrik analisis data temu bual semi struktur

TEMA	GURU LITERASI
Konteks Dasar Kefahaman tentang Matlamat Program LINUS	Kurang faham
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengapa LINUS digubal</li> <li>• Matlamat penggubalan</li> <li>• Penerima faedah LINUS</li> </ul>	
Dasar LINUS -isu-isu di sebalik dasar	Kurang faham
Masalah Sebalik Dasar LINUS	Kurang fahan
Proses Pelaksanaan LINUS	Mula-mula kabur, atas usaha sendiri cuba memahami
Strategi Pelaksanaan LINUS	Kurang faham
Pencapaian Dasar LINUS	Faham

Dapatan daripada temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian dengan peserta kajian berkaitan cabaran yang dihadapi dalam menangani murid-murid Orang Asli dipaparkan menerusi tema-tema dibawah:

#### Kesedaran

Tema utama yang muncul daripada kajian ini ialah kesedaran akan pentingnya Program LINUS bagi membantu murid-murid LINUS orang Asli khususnya bagi menguasai kemahiran membaca, menulis dan mengira. Menerusi tema ini beberapa sub tema turut dibincangkan iaitu kesedaran murid-murid.

#### Kesedaran Murid-murid

Kajian ini mendapati guru menghadapi cabaran dalam memastikan murid-murid orang Asli menguasai literasi kerana tidak terdapat kesedaran dalam diri murid-murid akan beberapa kategori berikut:

#### Sikap Murid-murid Orang Asli

Kajian mendapati cabaran utama guru ialah sikap murid-murid orang Asli. Sikap (attitude) murid-murid yang sambil lewa, enggan hadir menyebabkan proses pembelajaran dan pengajaran (P&P) murid-murid terjejas dan murid-murid tidak menguasai literasi dan numerasi yang diajari oleh guru. Sikap (attitude) mempunyai perkaitan yang erat dengan tingkah laku atau perilaku (behavioral). Faktor sikap boleh dikaitkan dengan Teori Tingkahlaku

Albert Bandura yang menerangkan bahawa murid akan membentuk sikap negatif terhadap sebarang bentuk pembelajaran disebabkan oleh tiada minat untuk belajar dan tiada ransangan terhadap pembelajaran seperti enggan hadir kesekolah, bersikap cuai dan tidak berdisiplin.

Ok untuk pelajar Asli ni kebanyakannya diaorang takkan hadir ke sekolah pada musim-musim tertentu macam musim buah-buahan jadi kedatangan memang merosot sangat dan dia lebih kepada untuk membantu ibu bapa...

(PL/SKKP/1/139-141)

Murid-murid orang Asli yang dikategorikan sebagai murid-murid bermasalah pembelajaran iaitu murid-murid yang tidak menguasai literasi dan numerasi mempunyai ciri sikap negatif seperti cuai dan tidak berdisiplin dan masalah tingkah laku seperti kurang teliti dalam menjaga barang hak milik mereka. Contohnya seperti alat tulis yang dibekalkan oleh pihak sekolah tidak dijaga dengan baik dan rapi hingga kehilangan alat tulis tersebut.

Dan anak dia ni, kalau kita tekan-tekan sangat, dia tak minatlah datang sekolah. Dia akan ponteng, duduk rumah kan. Kalau musim buah, tak datang juga. Ayahnya petik buah kan, dusun dan sebagainya, anak tu, tak datang lah belajar, tak dapat hantar kan. Atau pun dia suruh masuk dusun sekali.

(GL/SKKP/1/84-87)

‘...dari segi sikap murid-murid je bahan alatan menulis macam tadi Puan tengokkan dia kita ni kena bawa asing tahun 1 ni dia jaga barang tak berapa pandai lagi kan yang kita bekal pun kadang-kadang hari-hari pun

hilang alatan menulis tu.’  
(K/SKKP/1/57-59)

#### Persekitaran

Kajian mendapati cabaran seterusnya yang guru hadapi ialah persekitaran kehidupan murid-murid orang Asli yang mana faktor persekitaran merupakan penyebab murid-murid orang Asli tidak menguasai literasi bahkan memberi reaksi tingkah laku yang negatif terhadap pembelajaran (Azizi Yahaya dan Muhamad Jumat Aliju, 2012). Persekitaran sosial dapat mempengaruhi serta menjadi sumber pembelajaran yang membentuk tingkah laku seseorang menerusi corak pembelajaran yang diterimanya menerusi maklum balas, dorongan dan halangan (Azhar 2006) kehidupan murid-murid mempengaruhi pembentukan personalitinya atau pembentukan konsep sendiri murid-murid.

Menurut Teori Tingkah Laku yang menekankan hasil hubungan persekitaran dengan kognitif menjelaskan bahawa persekitaran sememangnya mempengaruhi tingkah laku murid dan persekitaran yang kurang selesa tidak dapat memberi rangsangan yang baik kepada kognitif dan disebabkan itu murid-murid Orang Asli gagal untuk menguasai kemahiran literasi. Terdapat gangguan dalam persekitaran murid-murid Orang Asli yang menghalang mereka untuk menguasai literasi antaranya kekurangan kemudahan pengangkutan dan ketidak selesaan ruang untuk belajar yang mana kajian ini mengenalpasti satu ruang dirumah murid-murid Orang Asli dipelbagaikan sebagai tempat tidur, makan dan belajar sekaligus. Keadaan persekitaran ini akan menyebabkan kognitif murid-murid Orang Asli tidak dapat dirangsang malahan menyukarkan sesuatu pembelajaran. Ini kerana secara amnya, perkembangan literasi bagi kanak-kanak yang membesar dan mempunyai lingkungan persekitaran yang sihat serta akses mudah kepada prasaranan yang terdapat disekelilingnya akan menyebabkan murid-murid terbiasa dengan percakapan orang-orang diselilingnya malahan berupaya menggunakan perbendaharaan kata yang lebih tepat dan luas (Zarif Azreen, 2013)

‘...faktor persekitaran dia mungkin kita boleh tengok gaya hidup ataupun saya tengok pelajar-pelajar Asli ni dia mungkin lemah sikit daripada segi akademik...’  
(PL/SKKP/1/81-83)

...satu lagi diaorang ni punya apa tempat tinggal tu tak sama macam yang lain. Ada yang setengah tu dia duduk dekat hutan lagi, ada setengah tu masih lagi dekat bukit seorang-seorang, dua tiga keluarga duduk situ kan jadi

datang sekolah ni harapkan transport ibu bapalah kalau macam ayah nak hantar, hantarlah kan kalau tak ada pun diaorang tak tak datang tu satu hal.  
(GP/SKKP/1/87-90)

Murid-murid orang Asli masih terdedah kepada persekitaran tradisi iaitu mengamalkan kegiatan ekonomi secukup hidup (terutamanya memburu dan memungut hasil-hasil hutan). Masyarakat orang Asli ini masih memburu binatang, menangkap ikan, memetik buah-buahan, memungut madu, dan menggali ubi. ‘Jadi kalau macam apa dia orang pun tak boleh nak sediakan tempat yang apa istimewa yang khas yang khusus untuk mereka belajar di rumah sebab saya sendiri dah kebanyakan saya dah banyak pergi dekat rumah-rumah orang Asli ni macam tulah keadaan dia kan. So situlah tempat tidur, situlah tempat makan, situlah tempat main. Jadi jadi apa dalam apa dalam situasi rumah sendiripun tak boleh membantu murid-murid tu je.’

(GP/SKKP/1/145-149)

#### Pemakanan

Guru berhadapan dengan cabaran mendidik murid-murid orang Asli mengambil makanan berkhasiat. Kajian mendapati murid-murid orang Asli mengabaikan faktor makanan berkhasiat. Guru memahami bahawa faktor pemakanan sebagai penyebab murid-murid tidak menguasai literasi. Hal ini demikian kerana pemakanan murid-murid mempengaruhi pembentukan personalitinya. Makanan yang seimbang yang disediakan oleh keluarga adalah penting untuk perkembangan murid-murid secara menyeluruh malahan pemakanan yang kurang dari segi kuantiti ataupun kualiti akan melambatkan proses pertumbuhan murid disebabkan pengabaian dari sudut pemakanan seimbang (Rose Dzidan, 2012)

Faktor ini turut disokong oleh Teori Humanistik yang dipelopori oleh Maslow menerusi Teori Hirarki Keperluan terhadap keperluan asas iaitu pemakanan. Menurut Maslow, faktor ini memberi kesan secara langsung kepada perkembangan kognitif murid-murid Orang Asli yang mengamalkan tabiat pemakanan buruk justeru menyebabkan otak tidak dapat berkembang dengan pesat dan selanjutnya mereka gagal menguasai literasi dan proses P&P guru akan terganggu secara langsung. Faktor ini juga berkait rapat dengan Teori Tingkah Laku kerana faktor persekitaran sesetengah kanak-kanak memasuki sekolah terutama murid-murid asli mengamalkan tabiat pemakanan yang buruk berpunca daripada suasana kekeluargaan yang

berpendapatan kecil semasa tempoh prasekolah.

‘faktor pemakanan sebab saya dapati pelajar-pelajar Asli ni dia makan je apa-apa pun kan jadi dia macam bila main makan je tu dia merosakkan otak-otak akademik dia tu.’

(PL/SKKP/1/83-85)

#### Pendidikan Prasekolah

Cabaran seterusnya ialah guru berhadapan dengan murid-murid yang tidak melalui pendidikan prasekolah. Faktor ini berkemungkinan kerana murid-murid yang tidak melalui pendidikan prasekolah mereka mempunyai kesukaran untuk memahami pelajaran khususnya kemahiran berbahasa. Pendidikan prasekolah berupaya memberi pendedahan awal kepada kanak-kanak secara khususnya termasuk kemahiran literasi. Kemahiran literasi didefinisikan sebagai kemahiran mengenal huruf (Mahzan Arshad, 2012) dan sewaktu pendidikan prasekolah berlangsung, mereka akan dipupuk dengan kemampuan yang minima dari segi kemahiran membaca dan menulis.

Hal ini juga dipersetujui oleh kajian ini yang mendapati faktor pendidikan prasekolah sebagai punca murid-murid tidak menguasai literasi. Faktor ini dapat dikaitkan dengan Teori Kognitif dan Teori Humanistik yang menyatakan memfokuskan kepada individu, kesediaan moral dan potensi murid. Terdapat jurang perbezaan yang ketara bagi murid yang mendapat dan tidak mendapat pendidikan prasekolah. Bagi murid yang mempunyai pendidikan prasekolah adalah lebih mudah untuk menerima proses pembelajaran berbanding murid yang tidak mempunyai pendidikan prasekolah.

‘...kebanyakannya murid-murid Asli ni ada yang tidak bersekolah saya tengok ada yang tak bersekolah prasekolah jadi apabila mereka masuk ke sekolah tiba-tiba terus ada saringan mungkin satu kejutan.’

(PL/SKKP/1/72-74)

#### Minat

Cabaran seterusnya yang dihadapi oleh guru ialah murid-murid orang Asli kurang minat dalam pembelajaran. Minat dan sikap murid-murid terhadap pembelajaran mempengaruhi kesediaan belajar murid. Seseorang pelajar yang mempunyai minat dan sikap positif terhadap pembelajaran menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap aktiviti PdP khasnya bagi guru yang menggunakan set induksi yang menarik perhatiannya dan akan mempamerkan sikap yang lebih

aktif dalam bidang tertentu (Nurhanani, 2004).

Faktor minat dapat dikaitkan dengan Teori Tingkah Laku dari segi ransangan murid terhadap P&P guru. Menurut kajian stimuli-respon, apabila murid berminat terhadap sesuatu pembelajaran mereka akan memberi tindak balas positif dan sebaliknya jika murid tidak berminat dengan sesuatu pembelajaran maka mereka akan memberi tindak balas yang negatif.

‘Lepas tu dia lebih kepada dia kurang kurang minat maksudnya kurang minat benda-benda yang sukar seperti Bahasa Melayu...’

(PL/SKKP/1/85-86)

Rasanya tak tak tahu membaca lah. Dia tak, tak mengenal huruf, maka dia tak akan berminat untuk membuat. Selain tu, dia ada apa macam naluri budak-budak Tahun Satu ni, banyak macam suka bermain kan. Jadi tak tak da tumpuan langsung...

(GB/SKKP/1/146-148)

‘...dia lebih kepada dia terarah kepada hiburan. Bila melibatkan hiburan dia lebih suka...’

(PL/SKKP/1/86-87)

#### Pengalaman Ibu Bapa

Kajian mendapati faktor murid-murid lewat memasuki alam persekolahan sebagai penyebab murid-murid tidak menguasai penguasaan minimum pendidikan iaitu kemahiran asas membaca, menulis, dan mengira (3M). Namun kesedaran tentang pentingnya meneruskan persekolahan ini kerana ibu bapa tidak berpengalaman dalam hal-ehwal pendidikan secara langsung tidak begitu menitikberatkan perihal akademik anak-anak. Hal ini berkemungkinan kerana ibu bapa kurang kesedaran terhadap kepentingan akademik berikutan pengalaman mereka yang tidak aktif terhadap pembelajaran.

Faktor ini dapat dikaitkan dengan Teori Tingkah Laku Bandura (1997) yang melihat pengalaman ibu bapa sebagai salah satu faktor yang memberi ransangan terhadap murid-murid. Bandura berpendapat bahawa kanak-kanak lebih banyak belajar menerusi peniruan dan tingkah laku yang terhasil kebanyakannya adalah menerusi pengalaman pengasuhan kanak-kanak itu sendiri (Zakaria, Ahmad Munawar dan Noranizah, 2012). Hal ini jelas membuktikan bahawa pengalaman ibu bapa yang mempunyai pendidikan minimum akan membentuk sikap yang tidak acuh terhadap pembelajaran anak-anak justeru mengagalkan usaha kemahiran literasi dalam kalangan murid-murid.

‘Saya rasa diri saya dah dewasa. Saya rasa, saya tengok budak-budak sekolah sini rendah-rendah. Saya rasa



biarlah saya berhenti.’  
(P/SKKP/1/154-155)

...ibu bapanya kurang memberi kerjasama kan buat tak endah ikut sangat anak kan kalau anak kata malas, demam malas pun tak payah pergi sekolah...  
(K/SKKP/1/84-85)

#### Akademik Ibu Bapa

Kajian ini mendapati guru berhadapan dengan cabaran iaitu faktor ibu bapa murid-murid Orang Asli yang tidak berpendidikan. Murid-murid orang Asli tidak menguasai literasi berkait dengan latar belakang akademik ibu bapa mereka. Kajian lalu membuktikan faktor persekitaran mempengaruhi pembentukan dan perkembangan personaliti seseorang murid-murid merangkumi keadaan keluarga, tahap akademik ibu bapa, sekolah, rakan sebaya, masyarakat, dan pengalamannya. Institusi keluarga merupakan pengaruh utama terhadap perkembangan anak-anak memandangkan ibu bapa secara jelas merupakan ejen sosialisasi yang kuat mempengaruhi anak-anak kerana jumlah masa kanak-kanak berada di rumah adalah lebih panjang berbanding masa yang diperuntukkan di sekolah (Johari Talib, 2007).

Berdasarkan kajian ini, unsur-unsur institusi keluarga yang mempengaruhi perkembangan individu ialah tahap akademik ibu bapa sama ada ibu bapa berkelulusan rendah, sederhana ataupun tinggi. Ibu bapa yang mempunyai tahap pendidikan rendah tidak menjadi role-model kepada anak-anak seperti tidak membaca di hadapan anak-anak. Maka minat untuk membaca dalam kalangan anak-anak orang Asli ini berkurangan dan hal ini memberi kesan kepada penguasaan literasi mereka. Selain itu ibu bapa juga kurang memberi sokongan dan bimbingan kepada anak sendiri. Faktor ini dapat dikaitkan dengan Teori Kognitif dalam pendidikan yang mana melihat tentang pengukuhan ke atas pembelajaran terhadap kognitif murid-murid yang mempunyai ibu bapa berpengalaman akademik dan tidak. Menerusi kajian yang dijalankan mendapati bahawa ibu bapa yang mempunyai faktor latar belakang akademik secara tidak langsung sedikit sebanyak dapat membentuk kognitif murid terhadap kemahiran asas kepada pembelajaran dan sebaliknya bagi murid-murid yang tidak mempunyai ibu bapa yang berpengalaman akademik akan menyukarkan sedikit proses penerimaan maklumat, pemahaman dan penggunaan pengetahuan.

‘...selain itu kurang sokongan daripada ibu bapa sebab mereka sendiri pun tidak boleh membaca jadi

dia tak dapat nak membimbing anak-anaknya semasa berada dirumah.’  
(PL/SKKP/1/87-89)

#### Sosioekonomi Keluarga

Kajian ini mendapati cabaran seterusnya yang dihadapi ialah berkaitan dengan taraf sosioekonomi keluarga murid-murid orang Asli. Kajian ini melihat secara amnya, taraf sosioekonomi keluarga murid-murid orang Asli didapati mempengaruhi pembentukan personaliti murid-murid LINUS sejak mereka dilahirkan. Murid-murid LINUS dalam kalangan orang Asli mempunyai ciri-ciri emosi rendah diri. Kedudukan sosioekonomi keluarga yang rendah berbanding dengan keluarga rakan lain menyebabkan murid-murid tersebut berasa rendah diri. Hal ini turut disokong oleh kajian lain yang melihat status sosioekonomi keluarga yang lebih baik akan lebih memberi peluang terhadap pendidikan berbanding mereka yang mempunyai status sosioekonomi yang rendah (Norazlinda Saad, 2007).

Kedudukan kewangan sesebuah keluarga menentukan jenis-jenis kemudahan yang disediakan untuk murid-murid. Selain daripada makanan seimbang, keluarga yang berada mampu menyediakan bahan-bahan pengajaran tambahan seperti komputer, tutor bimbingan, dan kemudahan internet. Dengan kemudahan seperti ini, murid-murid itu mendapat pendedahan yang begitu luas. Seseorang murid yang mempunyai pelbagai kemudahan untuk belajar di rumah mampu memperoleh pencapaian akademik yang baik dan mempunyai aras keyakinan yang tinggi.

Faktor ini dapat dikaitkan dengan Teori Humanistik yang melihat keperluan-keperluan asas gagal dipenuhi. Kedudukan kewangan keluarga yang bermasalah akan memberi impak negatif ke atas penyediaan faktor keperluan yang lain terutamanya keperluan makanan seimbang dan secara langsung akan menjejaskan kualiti P&P guru dan menyumbang kepada kegagalan literasi dalam kalangan murid.

‘...latar belakang apa ekonomi keluarga yang miskin sangat ok jadi macam mereka yang hidup ni dirumah hidup apa yang ada sahaja kalau apa kalau datang sekolah cuma atas arahan untuk datang sekolah, untuk elak denda...’  
(GP/SKKP/1/123-125)

#### IMPLIKASI DAN CADANGAN

Kajian ke atas penguasaan literasi dalam kalangan murid-murid Orang Asli memberi implikasi-implikasi

negatif yang ketara dan isu ini wajar diketengahkan kepada pihak-pihak yang berwajib agar tindakan dapat diambil. Menjadi aspirasi kerajaan dalam menuju wawasan 2020 untuk melahirkan generasi yang cemerlang malahan Program LINUS diwujudkan bagi mendidik murid-murid untuk menguasai kemahiran literasi dan numerasi. Walau bagaimanapun, kewujudan program LINUS ini telah membangkitkan cabaran-cabaran yang tertentu khususnya apabila ia diaplikasikan kepada murid-murid Orang Asli.

Sehubungan itu, kajian ini mengemukakan cadangan kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk menyediakan guru-guru pakar bagi menangani murid-murid LINUS disekolah yang terdapat murid-murid Orang Asli kerana guru-guru yang mengendalikan Program LINUS pada masa kini dilihat mempunyai kemahiran yang kurang dalam menyampaikan P&P malahan ada guru yang tidak memahami kehendak Program LINUS itu sendiri dan ini akan menyukarkan penjiayaan Program LINUS.

Modul yang diaplikasikan dalam Program LINUS dilihat kurang difahami oleh murid-murid Orang Asli yang mana aktiviti-aktiviti dalam modul terlalu umum dan sukar dicapai dek akal murid-murid Orang Asli kerana mereka tiada pengukuhan asas dan ianya menyukarkan proses P&P. Menerusi kajian ini mendapati murid-murid Orang Asli lebih berminat dengan pembelajaran berunsurkan didik hibur. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan agar Kementerian Pendidikan dapat menyediakan modul yang lebih bersesuaian dengan murid Orang Asli yakni mengambil kira aspek persekitaran murid Orang Asli serta tahap kemahiran mereka.

Kajian ini juga menemukan implikasi terhadap latar belakang akademik ibu bapa Orang Asli yang dilihat kurang menitik beratkan pelajaran. Faktor ini mungkin kerana kurangnya pendedahan terhadap kepentingan pelajaran. Oleh itu kajian ini menyarankan agar Kementerian Pendidikan menganjurkan bengkel untuk ibu bapa murid-murid Orang Asli agar mereka didedahkan dengan kepentingan pelajaran secara tidak langsung mereka dapat membantu anak-anak mereka semasa di rumah dan memberi peluang kepada anak-anak mereka untuk belajar.

Implikasi terakhir adalah berhubung dengan asepek kewangan yang khusus untuk Program LINUS. Menerusi kajian ini didapati bahawa murid-murid lebih berminat dan membentuk sikap yang positif terhadap P&P yang menarik seperti didik hibur, bahan interaktif dan bahan-bahan maujud. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekangan dalam menyediakan bahan-bahan tersebut berikutan kekurangan kemudahan fasiliti yang disediakan malah pelbagai program tidak dapat

dijalankan berikutan sumber kewangan yang tidak mencukupi. Oleh yang demikian, diharapkan bahawa pihak-pihak berwajib dapat menyediakan peruntukan kewangan yang khusus untuk Program LINUS agar pelbagai aktiviti dapat dilaksanakan dengan jayanya secara tidak langsung memantapkan kemahiran literasi dalam kalangan murid-murid Orang Asli.

## RUMUSAN

Dapatan daripada kajian ini menunjukkan banyak cabaran yang ditempuhi oleh guru literasi sepanjang pelaksanaan Program LINUS dengan murid-murid orang Asli. Antara yang paling kritikal ialah dari segi beban guru. Menjadi guru yang baik saat mengajar bukan soal sifat guru tersebut tapi soal kemampuan mengatur irama pembelajaran mengatasi segala kesulitan. Cabaran guru literasi di sekolah yang ramai murid-murid orang Asli tidak boleh dipandang remeh dan perlu perhatian pihak berkaitan agar jurang literasi dalam kalangan murid-murid Orang Asli dapat diatasi justeru mendokong aspirasi kerajaan bagi melahirkan generasi yang cemerlang menjelang wawasan 2020.

## RUJUKAN

- Abdull Sukor dan Kalaidevi, "Kesan Pendekatan Pembelajaran Masteri Terhadap Pencapaian Kemahiran Membaca Bahasa Melayu Murid Pemulihan Sekolah Rendah". *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)* 2 (2012): 94-105.
- Aminah, "Pencapaian Kemahiran Membaca di Peringkat Awal Sekolah Rendah," *Bahagian Perkembangan Kurikulum* (2009).
- Angus H. Macfarlane, *Young People Experiencing Behavioural Difficulties: Discourses Through the Decades* (New Zealand: Kairaranga, 2010), 5-15.
- Azhar Ahmad, "Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak" (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006).
- Azizi Yahaya dan Muhamad Jumat Aliju, "Teori-teori Tingkah Laku Negatif" (Artikel, Universiti Teknologi Malaysia, 2010).
- Bunn, "The Effectiveness of Additional Interventions for Children With Literacy Difficulties in Years 3 & 4" (Tesis Sarjana, Universiti Warwick, 2006).
- Burke Johnson dan Larry Christensen, *Educational Research, Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches* (California: Sage Publications, 2008).

- Christensen C.M, Horn M.B dan Johnson C.W, *Disrupting class: How disruptive innovation will change the way the world learns.* (New York, McGraw-Hill, 2008).
- Creswell, *Educational Research, Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (Boston, MA: Pearson, 2012).
- Creswell, *Research Design: Qualitative & Quantitative Approaches* (London: SAGE Publications, 1994).
- Cumming-Potvin et al., "A Sociocultural Analysis of Language Learning: New Forms of Literacy Practices in a Language and Culture Awareness Programme," *Multilingual Matters* 17 (2003): 391-407.
- Dennis, Lynch, dan Stockall, "Planning Literacy Environments for Diverse Preschoolers. *Young Exceptional Children* 15 (2012): 3-19.
- Doris Padmini Selvaratnam et al., "Transformasi Modal Insan melalui Peningkatan Pendidikan: Kajian Kes Komuniti Orang Asli di Cameron Highlands, Pahang" (Prosiding PERKEM Vii, Jilid 2, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2012).
- Fagan "Exploring Literacy Development: A Comparative Study of Low-Achieving Grade 9 Students in Newfoundland and Alberta," *Multiple Perspectives on Education and Society in Newfoundland and Labrador* 26(2) (1998): 624-638.
- Geske dan Ozola, "Factors Influencing Reading Literacy at the Primary School Level," *Journal Problems of Education in the 21st Century* 6 (2008): 71-77.
- Guzel dan Berberoglu, "An Analysis of the Programme for International Student Assessment 2000 (PISA 2000) Mathematical Literacy Data for Brazilian, Japanese and Norwegian Students," *Studies in Educational Evaluation* 31 (2005): 283-314.
- Haak, Downer dan Reeve, "Home Literacy Exposure and Early Language and Literacy Skills in Children Who Struggle With Behavior and Attention Problems," *Early Education and Development* 23 (2012): 728-747.
- Hall dan Hord, *Change in Schools: Facilitating the Process.* (Albany: State University of New York Press, 1987).
- Jamian, "The problems pertaining to reading and writing skills in Malay language among rural primary school children," *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (MyLEJ)* 1(1) (2011): 1-12.
- Jim Wright, "RTI Toolkit: A Practical Guide for Schools Six Reasons Why Students Are Unmotivated (And What Teachers Can Do)" *Technical Assistance Meeting for CSE Chairpersons* (Lake Placid, NY, 2012).
- Johari Talib, "Pengaruh Gaya Keibubapaan Terhadap Pencapaian Akademik Kanak-kanak" (Wacana Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007)
- Kranzler dan Floyd, "Assessing Intelligence in Children and Adolescents: A Practical Guide," (New York: Guilford Press, 2013).
- Laporan Keciciran Murad. (1972).
- Mahzan Arshad, "Pendidikan Literasi Bahasa Melayu: Strategi Perancangan dan Pelaksanaan" (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors, 2008).
- Maslow, "A Theory of Human Motivation," *Psychological Review* 50(4) (1943): 370-396.
- Maznah Maarof, "Satu Tinjauan Mengenai Minat Membaca di Kalangan Murid-Murid Sekolah Menengah" (Tesis Sarjana, Universiti Putra Malaysia, 1992).
- Md. Fuzi, Abd. Lateh, "KIA2M Perangi Keciciran Ilmu," *Harian Metro*, 12 Mei, 2007.
- Mercer dan Mercer, "Teaching Student With Learning Problem" (New Jersey: Merrill, 1998).
- Merriem, "Qualitative Research & Case Study Applications in Education" (San Francisco: Jossey Bass, 1998).
- Merriam, "Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation, Revised and Expanded From Qualitative Research and Case Study Applications in Educations" (San Francisco: Jossey-Bass, 2009).
- Miles dan Huberman, "Qualitative Data Analysis: An Expanded Sourcebook" (California: SAGE Publications Inc., 1994).
- Mohd. Fadzil, "Kebolehan Membaca dan Menulis" (Koleksi Persidangan Tahunan Jemaah Nazir, 1981).
- Mohd. Sharani Ahmad & Zainal Madon, "Tip Pandai Belajar," (Bentong, Pahang: PTS Publications, 2003).
- Morris et al., "Using Classroom Management to Improve Preschoolers' Social and Emotional Skills: Final Impact and Implementation Findings From the Foundations of Learning Demonstration in Newark and Chicago" (New York: MDRC Working Paper, 2013).
- Murad, "Laporan Jawatankuasa di atas Kajian Pendapat Mengenai Pelajaran dan Masyarakat 1973," *Jurnal Kebajikan Masyarakat* 37 (2011).
- NKRA Pendidikan. (2010).
- Norazlinda Saad, "Meritokrasi: Faktor Sosioekonomi dan Peluang Pendidikan Tinggi" (Tesis Sarjana,

Universiti Utara Malaysia, 2007).

- Nur Hanani Ab. Hamid, "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pembelajaran Pelajar 4 Sarjana Muda Sains serta Pendidikan (SAINS) dalam Mata Pelajaran Sains Mengikut Etnik", (Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, 2004).
- Rebore, "Human Resources Administration in Education, A Management Approach" (Boston, MA: Pearson/Allyn and bacon, 2009).
- Rose Dzidan, "Faktor-faktor Mempengaruhi Aspek Pencapaian Akademik dan Langkah-langkah Mengatasi" Artikel dari web <http://adzidane.blogspot.com/2012/04/faktor-faktor-mempengaruhi-aspek.html>
- Salmah Hassan, "Faktor-faktor yang Mempengaruhi Kelemahan Membaca di Kalangan Murid-Murid Tahun 5 Tahap 2 Sekolah Rendah" (Kertas Projek IPSI, Tanjung Malim, 1988).
- Saul McLeod, "Bandura - Social Learning Theory ( US, 2011)
- Timothy Rasinski, "Effective Teaching of Reading: From Phonics to Fluency" (Kent, OH: Teacher Created Materials, 2013).
- Timothy Rasinski, "A Poem a Day Can Keep Fluency Problems at Bay" Policy into Practice: Issue 4 (New York, United State, 2013).
- Van Maanen, "Qualitative Methodology," (Beverly Hills, California: SAGE Publications, 1983).
- Wan Abdul Manan "The Assessment of Nutritional Status and Literacy in Two Malaysian Villages," (Ann Arbor, Michigan: UMI, 1985).
- Willingham & Daniel, "Teaching to What Students Have in Common," Educational leadership 69(5) (2012): 16-21.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusuf, "Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri". Jurnal Hadhari Edisi Istimewa (2012): 155-172.
- Zarif Azreen, "Perkembangan Bahasa Pada Peringkat Awal Kanak-Kanak" Artikel dari web [https://www.academia.edu/4098669/perkembangan\\_bahasa\\_kanak-kanak](https://www.academia.edu/4098669/perkembangan_bahasa_kanak-kanak).
- Zulbaharen Ahmad, "Kajian Tahap Masalah Tidak Boleh Membaca di Kalangan MuridTahun Tiga" (Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1997).

Nazariyah Sani (Dr)  
 Jabatan Bahasa Melayu  
 IPG Kampus Pendidikan Islam  
 Beg Berkunci 214,  
 43657 Bandar Baru Bangi  
 Selangor Darul Ehsan  
 E-mel: naza4509@gmail.com